

Oral Health services for kindergarten, school

Khidmat Kesihatan Oral untuk tadika, sekolah

SIBU: Sebanyak 1,511 tadika (79 peratus) dan 1,206 (95.5 peratus) sekolah rendah di seluruh negeri ini dijangka akan menerima Khidmat Kesihatan Oral pada tahun ini.

Menteri Alam Sekitar dan Kesihatan Awam Dato Sri Wong Soon Koh berkata, pada tahun lepas seramai 46,410 kanak-kanak daripada 1,456 (76 peratus) tadika dan 252,558 murid daripada 1,202 (95.2 peratus) sekolah rendah menerima khidmat yang sama.

“Program ini merupakan sebahagian dari usaha Jabatan Pergigian yang menasaskan golongan kanak-

kanak khususnya murid sekolah.

“Kami amat berterima kasih atas inisiatif seperti ini dan ia sedikit sebanyak memberi pendedahan awam kepada mereka betapa pentingnya menjaga kesihatan gigi dari peringkat awal,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan program 1Malaysia OHD-MDA-GSK Kempen Kesedaran Kesihatan Mulut yang diadakan di sebuah pasar raya terkemuka di sini semalam.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri

(Pergigian) Dr Ling Kwok Sung, Presiden Malaysian Dental Association (MDA) Dr How Kim Chuan dan Pegawai Kesihatan Pergigian Bahagian Sibu Dr Mohd Gurmeet Abdullah.

Katanya, perkhidmatan seumpama itu di negeri ini dilaksanakan secara jaringan yang komprehensif menerusi lapan klinik pergigian pakar, 25 pusat pergigian, 129 klinik pergigian sekolah, 24 klinik pergigian sekolah menengah dan 74 pasukan kesihatan pergigian bergerak.

Selepas lapan tahun mengadakan program seumpama itu, Wong yang juga

Menteri Kewangan Kedua berkata, status kesihatan kanak-kanak di negeri ini telah meningkat.

Pada tahun 2009 perangkaan Jabatan Kesihatan Pergigian Negeri mendapati 25 peratus kanak-kanak berusia enam tahun dan 51 peratus kanak-kanak berusia 12 tahun bebas daripada penyakit gigi.

Dalam pada itu Dr How ketika berucap memberitahu, status kesihatan oral bagi golongan muda di Malaysia pada masa kini telah meningkat berbanding zaman sebelum kemerdekaan.

“Hari ini lebih daripada 40 peratus kanak-kanak

berusia 16 tahun bebas daripada penyakit gigi (caries), berbanding hanya 15 peratus pada awal 70-an,” katanya.

Bagaimanapun ujar beliau, angka tersebut masih rendah berbanding dengan negara-negara membangun lain.

Justeru ibu bapa serta pertubuhan bukan kerajaan harus memainkan peranan yang sama penting membantu kerajaan menerusi agensinya meningkatkan kesedaran orang ramai betapa pentingnya menjaga kesihatan gigi.